



**JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
SOALAN – SOALAN LAZIM
PROGRAM REKALIBRASI TENAGA KERJA**

1. Apakah itu Program Rekalibrasi Tenaga Kerja?

Program Rekalibrasi Tenaga Kerja merupakan suatu program khas untuk meregularisasikan PATI di negara ini sebagai pekerja asing yang sah digajikan oleh majikan yang layak tertakluk kepada syarat-syarat ketat yang diputuskan oleh Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM).

2. Siapakah yang layak menyertai Program ini?

KELAYAKAN MAJIKAN

- i. Hanya majikan daripada sektor **Perkilangan, Pembinaan, Pertanian, Perladangan, Perlombongan & pengkuarian dan Perkhidmatan (Restoran, Pembersihan & Pencucian, Borong & Runcit, Kargo, SPA, Pusat Urutan Kaki, Kedi (Lelaki), Hotel, Resort di Pulau Peranginan dan Pengawal Keselamatan (warganegara Nepal SAHAJA);**
- ii. Tertakluk kepada kuota yang diluluskan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia (KSM)
- iii. Pematuhan kepada syarat-syarat penggajian pekerja asing sedia ada seperti warganegara, jantina, had umur, bayaran levi, kelayakan pas dan sebagainya; DAN
- iv. Tidak berada dalam Senarai Disyaki dan Senarai Hitam.

KELAYAKAN PATI

Terbuka kepada warga asing seperti berikut:

- i. Hanya 15 negara sumber **SAHAJA** (Indonesia, Bangladesh, Thailand, India, Filipina, Kemboja, Laos, Nepal, Myanmar, Sri Lanka, Vietnam, Pakistan, Turkmenistan, Uzbekistan dan Kazakhstan);
- ii. Pemegang Pas Lawatan Sosial (PLS), Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), termasuk Pembantu Rumah Asing yang telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(c) iaitu tinggal lebih masa di bawah Akta Imigresen 1959/63 pada atau sebelum 30 Jun 2021;
- iii. PATI yang telah mendaftar di dalam Program *Rehiring* dan Program 6P tetapi tidak melengkapkan proses permohonan dan tidak menerima Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) melalui program tersebut;
- iv. PATI yang telah dikeluarkan pelekat (PLKS) di dalam Program *Rehiring* dan 6P yang telah tamat tempoh juga layak untuk menyertai program RTK;
- v. PATI yang melakukan kesalahan melanggar syarat pas di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 pada atau sebelum 30 Jun 2021;
- vi. PATI yang lari dari majikan tetapi tidak dilaporkan kepada JIM;
- vii. PATI yang mempunyai dokumen perjalanan negara asal yang tulen dan sah;
- viii. Tidak berada dalam Senarai Disyaki dan Senarai Hitam;
- ix. Kelayakan umur bagi PATI daripada 18 hingga 49 tahun semasa permohonan;

- x. Mempunyai slip keputusan negatif bagi ujian COVID-19 yang dibuat dalam tempoh tiga (3) hari sebelum tarikh janji temu;
- xi. Telah menjalani saringan pemeriksaan kesihatan (FOMEMA) dan diperakui (*fit to work*);
- xii. Majikan harus mencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi pekerja.

3. Berapakah kos yang perlu dibayar bagi program ini?

KADAR BAYARAN		
Wang Cagaran	Fi Rekalibrasi	Lain-lain bayaran
RM 500.00 setiap pekerja asing (pembayaran secara atas talian)	RM 1,500.00 setiap pekerja asing	a. Pemeriksaan FOMEMA; b. Levi; Sektor Perkilangan, Pembinaan dan Perkhidmatan dan Perlombongan & Pengkuarian RM 1,850.00 i. Sektor Perladangan dan Pertanian) RM 640.00 c. PLKS RM 60.00; d. Proses RM 125.00; dan e. Visa (mengikut warganegara)

Kaedah pembayaran adalah secara kad kredit dan kad debit **SAHAJA**. Pembayaran secara **TUNAI** tidak diterima. Bayaran wang cagaran juga harus diselesaikan dalam tempoh 3 hari selepas permohonan dibuat untuk mengelakkan permohonan terbatal secara automatik.

4. Bilakah jangka masa / tempoh Program ini dilaksanakan?

Program ini dilaksanakan mulai 16 November 2020 sehingga 31 Disember 2021.

5. Adakah program ini melibatkan vendor atau pihak ketiga?

Program ini dijalankan sepenuhnya oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM).

6. Adakah pelaksanaan Program ini merangkumi negeri Sabah dan Sarawak?

Program ini dilaksanakan di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan SAHAJA.

7. Adakah terdapat sektor tertentu yang menghadkan pekerja asing daripada negara sumber untuk menyertai Program ini?

Bagi Semenanjung Malaysia;

- Pekerja dari negara India hanya dibenarkan bekerja di dalam sektor perkhidmatan (sub sektor perniagaan masyarakat India), perladangan, pertanian dan pembinaan (**high tension cable sahaja**);
- Pekerja dari negara Indonesia dibenarkan bekerja untuk semua sektor kecuali bagi **sektor perkilangan** hanya **pekerja wanita** sahaja;

- Pekerja Lelaki dari negara Filipina dibenarkan untuk bekerja di semua sektor dan **pekerja wanita hanya untuk pembantu rumah sahaja (Sektor Pembantu Rumah tidak dibuka dalam RTK); DAN**
- Pekerja dari negara Nepal dibenarkan bekerja untuk semua sektor dan sub-sektor (**sebagai Pengawal Keselamatan**).

8. Bagaimana untuk menyertai Program ini?

Majikan boleh mendapatkan maklumat mengenai Program Rekalibrasi Tenaga Kerja dengan mendaftar melalui pautan <https://imigresen-online.imi.gov.my/myimms/main>. Bayaran wang cagaran sejumlah RM500 akan dikenakan kepada setiap PATI yang didaftarkan melalui portal ini.

Verifikasi PATI

JIM akan menghubungi majikan untuk hadir bersama PATI ke Bahagian Penguatkuasa JIM bagi urusan saringan biometrik PATI. Surat pengesahan verifikasi PATI akan dikeluarkan kepada PATI dan majikan setelah selesai proses saringan.

Sektor Pembinaan

Manakala untuk kontraktor sektor pembinaan kategori G1, G2 dan G3 boleh berhubung terus dengan pihak Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB) melalui www.clab.com.my

9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya majikan mempunyai lebih PATI (kelulusan kuota kurang dari jumlah PATI yang diluluskan)?

Majikan boleh mengambil tindakan seperti berikut:

- Menyerahkan PATI kepada pihak CLAB untuk tindakan lanjut pihak CLAB. Majikan akan dikeluarkan satu surat pengesahan dari pihak CLAB mengenai penerimaan PATI tersebut dan majikan dibenarkan untuk membuat tuntutan bayaran deposit kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia; **ATAU**
- Majikan boleh menghantar pulang PATI melalui Rekalibrasi Pulang dan majikan dibenarkan membuat tuntutan deposit kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia.

10. Apakah yang perlu dilakukan majikan jika terdapat permasalahan semasa membuat pendaftaran PATI melalui Portal Rekalibrasi?

Majikan boleh membuat pertanyaan secara atas talian melalui portal Sistem Pertanyaan Online (SPO) dan capaian web <http://eapp.imi.gov.my/> atau hadir terus ke Jabatan Imigresen Malaysia bagi semakan lanjut.

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA